

# AJK DAP desak PM letak jawatan

m/s: 10

UM - 20/2/2019

**KUALA LUMPUR 19 Feb.** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didesak supaya meletakkan jawatan kerana didakwa memperlekehkan manifesto Pakatan Harapan (PH) yang dibuat pada pilihan raya umum lalu.

Ahli Jawatankuasa DAP Johor, Dr. Boo Cheng Hau berkata, kenyataan Dr. Mahathir bahawa 'manifesto hanyalah panduan dan bukan kitab' menunjukkan beliau tidak yakin terhadap diri serta janji-janji tersebut.

Ujarnya, mereka yang melontar pandangan sedemikian seperti sudah mengakui tentang ketidakcekan diri dan harus meletakkan jawatan.

"Tindakan beberapa pemimpin PH mendakwa perubahan kerajaan tidak mungkin berlaku tanpa kepimpinan Dr. Mahathir hanya mencerminkan kemerosotan diri mereka," katanya seperti di petik portal *Free Malaysia Today* (FMT) hari ini.

Cheng Hau turut menyelar tindakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menerima bekas Ahli Parlimen UMNO dan menggesa kepimpinan PH mengambil pendirian membantah amalan itu.

Tegas beliau, negara akan 'terkebelakang' jika wakil rakyat digalakkan untuk melompat parti.



"Tindakan beberapa pemimpin PH mendakwa perubahan kerajaan tidak mungkin berlaku tanpa kepimpinan Dr. Mahathir hanya mencerminkan kemerosotan diri mereka."

**BOO CHENG HAU**

"Malaysia memerlukan persaingan sihat dalam sistem dua parti untuk memastikan pembaharuan institusi dilaksanakan secara berkesan," katanya.